

Rabu, Mac 28 2018



NAJIB TUN RAZAK dan Ahmad Bashah Md. Hanipah bersama para pesawah dari seluruh negara dalam majlis pelancaran Bantuan Khas Pesawah Peringkat Kebangsaan di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Korok, Jerlun, Kedah, semalam. - UTUSAN/ISMAIL KAMADIN

Khabar gembira untuk golongan pesawah

um 28/3.

Bantuan bakal ditambah

Oleh JAMLIAH ABDULLAH
dan ZULQURNAIN OTHMAN
pengarang@utusan.com.my

■ JERLUN 27 MAC

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan kerajaan Barisan Nasional (BN) akan terus menjaga kebajikan pesawah malah berhasrat untuk menaikkan jumlah bantuan khas kepada golongan tersebut sebagai menghargai jasa mereka.

Berucap di hadapan lebih 10,000 pesawah dari seluruh negara, Perdana Menteri berkata, tawaran tersebut akan diberikan sekiranya BN terus mendapat mandat daripada golongan itu dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Pertimbangan istimewa ini, saya nak buat satu tawaran istimewa kepada pesawah padi di seluruh negara. Seandainya, kerajaan

BN diberi sokongan sepenuhnya dalam PRU-14, pada malam kemenangan itu saya akan umumkan kenaikan khas kepada elaun pesawah padi, malam itu juga.

"Insyallah rezeki tambahan menanti hangpa (kamu) semua," katanya sambil disambut tepukan gemuruh.

Berita gembira itu diumumkan Perdana Menteri dalam majlis pelancaran Bantuan Khas Pesawah peringkat kebangsaan di Pusat Pertumbuhan Desa Sungai Korok di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid; Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Othman Aziz yang juga Timbalan Menteri Kewangan dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man.

Berucap lanjut, kata Perdana Menteri, golongan pesawah tetap mendapat perhatian daripada kerajaan sebagai menghargai sumbangan mereka dalam pengeluaran padi negara.

"Apa yang kita beri kepada pesawah saya anggap berbaloi dan perlu dilakukan. Antara usaha yang dilakukan pihak kerajaan termasuk subsidi dan insentif kepada pesawah padi iaitu pada 2018 insentif subsidi padi berjumlah RM1.69 bilion dan subsidi baja bernilai RM465 juta.

"Saya nak mengesahkan bahawa apabila saya memperkenalkan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) melibatkan sektor pertanian, antara program yang kita luluskan termasuk menyediakan peruntukan berjumlah RM2.7 bilion bagi tempoh 2011 hingga 2020 untuk membangunkan sistem pengairan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda

(MADA).

"Sasaran kita kalau ketika ini purata hasil padi adalah 6.19 tan setiap hektar, kita hendak capai lapan tan setiap hektar. Kalau kita dapat capai matlamat ini, pendapatan per kapita keluarga pesawah akan meningkat RM48,000 setahun. Ini matlamat kita khusus untuk kawasan MADA," katanya.

Bantuan Khas Pesawah memanfaatkan 325,518 pesawah seluruh negara termasuk pengusaha padi bukit di Sabah dan Sarawak yang akan menerima bantuan RM200 sebulan dalam tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian.

Kata Perdana Menteri, beliau memilih kawasan MADA di Kedah untuk melancarkan bantuan berkenaan sebagai mengenang jasa bapanya iaitu bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak yang pernah menjadi nadi agensi itu.